

No. Rujukan : UTeM.100-1/3/5 (6)



**SURAT PEKELILING KEWANGAN
BILANGAN 1 TAHUN 2022**

**SASARAN PENJANAAN PENDAPATAN TAHUN 2022
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Pejabat Bendahari

5 Januari 2022

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasilitas)

Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.100-1/3/5 (6)

5 Januari 2022

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 1/2022

SASARAN PENJANAAN PENDAPATAN TAHUN 2022 UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan tentang Sasaran Penjanaaan Pendapatan Tahun 2022 Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kementerian Kewangan telah memperakukan Anggaran Peruntukan Mengurus Tahun 2022 bagi UTeM dengan jumlah sebanyak RM234,044,000.00 iaitu kesemuanya bersumber daripada geran Kerajaan untuk membiayai perbelanjaan mengurus tahun 2022. Kurangan sebanyak 15.8% akan menggunakan Rizab Universiti pada tahun 2022 iaitu sebanyak RM43,912,718.00 daripada keseluruhan permohonan berjumlah RM277,956,718.00.
- 2.2 Rizab Universiti adalah disalurkan kepada item yang tiada peruntukan dari Kementerian Kewangan Malaysia tetapi amat diperlukan oleh Universiti bagi tujuan pengoperasian. Penjanaaan pendapatan pada tahun semasa adalah diperlukan untuk menampung penggunaan Rizab Universiti.
- 2.3 Dalam usaha menampung semula rizab yang digunakan, Sasaran Penjanaaan Pendapatan Bagi Tahun 2022 dengan jumlah sasaran keseluruhan RM61.61 juta telah dibentang dan diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Eksekutif Bil. 12/2021 pada 22 Disember 2021.

3.0 SASARAN PENJANAAN PENDAPATAN TAHUN 2022

- 3.1 Bagi memastikan Pusat Tanggungjawab (PTj) termasuk Fakulti untuk turut sama membantu meningkatkan hasil pendapatan Universiti, penetapan sasaran penjanaan pendapatan bagi setiap PTj telah mula dilaksanakan semenjak tahun 2016.
- 3.2 Sehingga kini belum ada model sasaran penjanaan pendapatan yang tepat dan sesuai digunakan oleh Universiti. Penggunaan data “*trend*” pencapaian hasil untuk sasaran penjanaan juga tidak sesuai digunakan kesan pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta perkembangan/penstrukturan PTj.
- 3.3 Penetapan sasaran penjanaan pendapatan tahun 2022 adalah berdasarkan penetapan/syarat berikut:
 - 3.3.1 andaian aktiviti penjanaan pendapatan boleh berjalan sepenuhnya dan keadaan ekonomi negara telah pulih dengan pencapaian tahun 2019 dijadikan sebagai asas;
 - 3.3.2 sasaran kenaikan 100% bagi Fakulti daripada pencapaian penjanaan Tahun 2019 atau minima sasaran penjanaan Fakulti adalah RM30,000.00;
 - 3.3.3 sasaran kenaikan 100% dari hasil 2019 bagi PTj (selain Fakulti) yang menjana kurang dari RM100,000.00 pada tahun 2019;
 - 3.3.4 sasaran kenaikan 50% dari hasil 2019 bagi PTj yang menjana lebih dari RM100,000.00 pada tahun 2019;
 - 3.3.5 bagi Pejabat Timbalan Naib Canselor (P&I) dan Pusat Pembuatan Termaju (AMC) yang tiada hasil penjanaan pada tahun 2019, sasaran Pejabat TNC (P&I) adalah kenaikan 100% dari pencapaian sehingga 31 Oktober 2021 dan sasaran AMC ialah kenaikan 100% sasaran tahun 2021; dan

3.3.6 tiada penetapan sasaran untuk Pejabat Canselori.

3.4 Berdasarkan penetapan di atas, sasaran penjanaaan pendapatan pada tahun 2022 diunjurkan kepada Fakulti seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1 - Sasaran Penjanaaan Pendapatan Fakulti Tahun 2022

PTj	Pencapaian PTj Sehingga 31.12.2019 (RM)	Pencapaian PTj Sehingga 30 .11. 2021 (RM)	Sasaran 2022 Peningkatan 100% Pencapaian 2019 atau Minima RM30,000 (Fakulti) (RM)
FKEKK	36,870.03	781.09	73,740.06
FKE	13,619.63	14,135.38	30,000.00
FKM	45,505.40	45,808.35	91,010.80
FKP	40,833.93	11,105.93	81,667.86
FTMK	33,415.10	19,557.07	66,830.20
FPTT	17,840.00	18,875.37	35,680.00
FTKEE	4,985.51	10,917.10	30,000.00
FTKMP	20,115.37	20,996.13	30,000.00
IPTK	0.00	-	30,000.00
JUMLAH	213,184.97	142,176.42	468,928.92

3.5 Sasaran Pusat Tanggungjawab (PTj) pada tahun 2022 adalah seperti Jadual 2 berikut :

Jadual 2 - Sasaran Penjanaaan Pendapatan PTj Tahun 2022

PTj	Pencapaian PTj sehingga 31.12.2019	Pencapaian PTj sehingga 30.11.2021	Sasaran 2022 Peningkatan 50% atau 100% Pencapaian 2019
	RM	RM	RM
CANSELORI	468.75	0	
PEJ. TNC (A&A)	12,362.41	4,907.57	24,724.82
PEJ. TNC (P&I) (UCC)	-	9,636.68	19,273.36
PEJ. TNC (HEP)	426,452.45	139,228.52	639,678.68
PEJ. PNC (JIM)	3,296.08	10,104.25	6,592.16
PEJ. PNC (PPF)	342,887.40	224,494.81	514,331.58
PENDAFTAR	388,211.84	405,973.00	582,317.76
BENDAHARI	419,885.76	275,536.64	629,828.64
PERPUSTAKAAN LAMAM HIKMAH	45,103.75	5,189.92	90,207.50
PPPK	417,627.57	2,570.05	626,441.36
PPS	29,086.95	11,880.00	43,630.43
PENERBIT	215,330.27	83,523.68	322,995.41
CRIM	5,384.63	6,409.98	10,769.26
PUSAT ISLAM	700.00		1,400.00
PBPI/PPB	21,733.76	518.40	43,467.52
CREATE	4,089.00	-	8,178.00
AMC	-	-	17,600.00
JUMLAH	2,332,620.62	1,179,973.50	3,581,436.48

3.6 Pelarasan hasil ke Tabung Kewangan PTj dan Hasil Universiti adalah seperti Jadual 3 berikut :

Jadual 3 – Pelarasan hasil Tabung Kewangan PTj dan Hasil Universiti

Penjanaan	Sasaran 2022 Peningkatan 50% atau 100% Pencapaian 2019 atau Minima RM30,000 (Fakulti)	Agihan Hasil Tabung Kewangan PTJ (70%)	Agihan Hasil Universiti (30%)
	(RM)	(RM)	(RM)
Fakulti	468,928.92	328,250.24	140,678.68
Lain-lain PTj	3,581,436.46	2,507,005.52	1,074,430.94
JUMLAH	4,050,365.38	2,835,255.77	1,215,109.61

3.7 Sasaran Penjanaan Pendapatan Keseluruhan Tahun 2022 adalah **RM61.61** juta seperti Jadual 4 :

Jadual 4 – Sasaran Penjanaan Pendapatan

Butiran	Sasaran 2021		Sasaran 2022		Sasaran Tahun 2022 Berbanding Tahun 2021
	(RM) Juta	%	(RM) Juta	%	%
Yuran Pelajar (Pra Siswazah)	32.14	72.04%	31.85	52.27%	-0.91%
Yuran Pelajar (Pasca Siswazah)	1.84	4.12%	7.60	12.47%	75.79%
Keuntungan Deposit Tetap	7.00	15.69%	12.76	20.94%	45.14%
Dividen dan Hasil Anak Syarikat	1.21	2.71%	8.19	13.44%	85.23%
Sumbangan 30% Penjanaan Fakulti	2.07	4.63%	0.14	0.07%	-1378.57%
Sumbangan 30% Penjanaan Lain-lain PTj	0.36	0.81%	1.07	0.80%	66.48%
Jumlah Keseluruhan (B)	44.62	100%	61.61	100%	27.58%

- 3.8 Peratusan sasaran tahun 2022 berbanding sasaran tahun 2021 adalah peningkatan sebanyak 27.58% seperti Jadual 4 di atas. Peningkatan sasaran tahun 2022 disebabkan pertambahan unjuran pendaftaran pelajar, hasil simpanan tetap dan unjuran dividen anak syarikat.
- 3.9 Walau bagaimanapun sasaran penjanaaan tahun 2022 adalah tertakluk kepada:
- 3.9.1 Unjuran pendaftaran tahun 2022 bagi yuran pelajar yang disahkan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa). Pertambahan unjuran pendaftaran pelajar pada tahun 2022 berbanding 2021 adalah sebanyak 14% iaitu berdasarkan :
- i. unjuran pendaftaran merujuk Mesyuarat Senat Bil. 4/2017 pada 27 April 2017;
 - ii. pecahan pelajar tempatan dan antarabangsa adalah 10%; dan
 - iii. tiada pecahan unjuran untuk pelajar FTKMP dan FTKEE. Pengiraan unjuran yang digunakan berdasarkan nisbah pendaftaran sehingga 31 Oktober 2021.
- 3.9.2 Keuntungan deposit/pelaburan adalah berdasarkan sasaran yang ditetapkan pada “*Seven Strategic Goal*” (SSG G7) Tahun 2021 sehingga 2025 serta tertakluk kepada situasi ekonomi semasa pada keadaan normal.
- 3.9.3 Sasaran 2022 untuk dividen syarikat induk adalah berdasarkan Pelan Strategik Kumpulan UTeM Holdings Tahun 2021 - 2025 yang diluluskan Lembaga Pengarah Syarikat dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU).

4.0 PENGAGIHAN HASIL PENDAPATAN YANG DISUMBANG OLEH PTj

- 4.1 Hasil pendapatan yang dijana oleh PTj pada tahun 2022 akan menyumbang sebanyak 70% kepada Tabung Kewangan PTj dan 30% kepada hasil Universiti bagi aktiviti penjanaaan pendapatan yang dilaksanakan oleh PTj pada tahun 2022.

- 4.2 Walaubagaimanapun pelarasan hasil sepenuhnya kepada Universiti dan tidak kepada Tabung Kewangan PTj (akan dimaklumkan sebagai inisiatif PTj) bagi aktiviti penjanaaan berikut mengikut syarat/kriteria berikut:
- 4.2.1 hasil bukan merupakan inisiatif sepenuhnya oleh PTj;
 - 4.2.2 kategori hasil adalah hasil pelajar (sepatutnya dipusatkan);
 - 4.2.3 merupakan tugas hakiki PTj berkenaan dan bukan insiatif tambahan; dan
 - 4.2.4 kos penyelenggaraan yang tinggi akan ditanggung oleh Universiti bagi ruang dan kemudahan terutama bagi aktiviti penyewaan.
- 4.3 Tabung Kewangan PTj akan menampung perbelanjaan yang tidak diperuntukan dan menampung ketidak cukupan di bawah bajet mengurus pada tahun 2022.
- 4.4 Bagi hasil sewaan yang dipusatkan, adalah dicadangkan penjanaaan PTj akan diagihkan kepada tabung kewangan sekiranya terdapat “*mark-up*” sewaan, manakala hasil sewaan utama akan menjadi hasil Universiti.
- 4.5 Perincian hasil yang akan diagihkan kepada PTj dan Universiti atau dipusatkan sebagai hasil Universiti mengikut inisiatif penjanaaan adalah seperti di **Lampiran 1.**

5.0 PERATURAN KEWANGAN BERKAITAN CADANGAN SASARAN PENJANAAN PENDAPATAN TAHUN 2022

- 5.1 Berdasarkan **Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU)**, Bahagian Pengurusan Wang Universiti, Bab C Pengurusan Akaun Amanah Para 1.4 :
- 5.1.1 Ketua PTj boleh menetapkan sebarang perbelanjaan daripada Tabung Kewangan PTj termasuk perbelanjaan melibatkan operasi/ mengurus PTj dan terhad kepada Vot 20000 (Perkhidmatan dan Bekalan) serta pembelian aset dibawah Vot 30000 (jika perlu).

- 5.1.2 Sebarang permohonan perbelanjaan/ penggunaan dari Tabung Kewangan PTj yang tiada dinyatakan Surat Ikatan Amanah, PTj hendaklah mendapat kelulusan Naib Canselor selaku Pihak Berkuasa Melulus.
- 5.2 Selaras sasaran penjanaaan PTj Bagi Tahun 2022 iaitu pengagihan hasil 70% kepada Tabung Kewangan PTj dan 30% sebagai hasil Universiti, kadar peratusan agihan hasil antara Universiti dan PTj seperti yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa Universiti dalam **Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU) adalah ditangguhkan pemakaian pada tahun 2022 atau sehingga terdapat pindaan yang diluluskan oleh pihak berkuasa Universiti.**
- 5.3 Sasaran penjanaaan PTj Tahun 2022 akan melibatkan peraturan dalam PKPU seperti berikut :
- 5.3.1 PKPU Bahagian Pengurusan Wang Universiti, Bab C Pengurusan Akaun Amanah Para 6.5:
- i. kadar agihan baki tabung 50% kepada Universiti dan 50% kepada Tabung Kewangan PTj seperti yang digariskan dalam PKPU ditangguhkan; dan
 - ii. dilaksanakan agihan hasil 30% kepada Universiti dan 70% kepada Tabung Kewangan PTj daripada baki tabung.
- 5.3.2 PKPU Bahagian Pengurusan Wang Universiti, Bab J Penjanaaan Pendapatan di bawah Aktiviti Perundingan bagi kadar agihan bayaran pengurusan kepada Universiti dan PTj adalah tertakluk kepada Dasar/Garis Panduan Perundingan semasa yang berkuatkuasa.
- 5.3.3 PKPU Bahagian Pengurusan Wang Universiti, Bab J Penjanaaan Pendapatan Para 5.1.9, PTj dibenarkan "*mark-up*" sehingga 50% daripada kadar sewaan seperti yang telah diluluskan Universiti. Pelaksanaan agihan hasil 30% dan 70% adalah berdasarkan jumlah harga termasuk "*mark-up*".

5.4 Pelarasan agihan hasil 30% dan 70% dilaksanakan:

5.4.1 di peringkat transaksi pengeluaran bil tuntutan/invois/resit rasmi/jurnal yang disediakan oleh Pejabat Bendahari; dan

5.4.2 bagi projek perundingan, pelarasan agihan hasil akan dilaksanakan setelah pelarasan lain-lain hasil Universiti yang terdapat dalam projek perundingan telah selesai dibuat.

6.0 TARIKH KUATKUASA

6.1 Pelaksanaan Sasaran Penjanaaan Pendapatan Tahun 2022 Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2022 dan tertakluk kepada aktiviti penjanaaan yang dilaksanakan oleh PTj pada tahun 2022 sehingga terdapat pindaan yang diluluskan oleh pihak berkuasa Universiti.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



KHAIRUL BIN TAIB

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

AA/BPPP/PSPP

JADUAL PENGAGIHAN HASIL PENJANAAN PTJ

KATEGORI INISIATIF	PROGRAM	PERINCIAN AKTIVITI	HASIL DIAGIHKAN 70% :	HASIL DIPUSATKAN 100% KEPADA UNIVERSITI
			30%	
			(A)	(B)
Program Akademik dan Penyelidikan	Program Akademik Dan Latihan	1. Seminar, persidangan, bengkel, kursus dll.	1. Seminar, persidangan, bengkel, kursus dll.	
	Pengkomersilan dan Perundingan	1. Perundingan 2. Perlesenan dan Royalti (tertakluk kepada GP Pengkomersilan)	1. Perundingan (agihan bagi kos pengurusan)	
Penawaran Aset, Perkhidmatan dan Peralatan	Sewaan dan pajakan	1. Kafeteria 2. Kemudahan Asrama 3. Rumah Felo 4. Kemudahan/Peralatan (Makmal dan lain-lain) 5. Dewan Canselor 6. Kompleks Sukan dan kemudahan sukan 7. Kenderaan 8. Bilik kuliah, ruang makmal, ruang terbuka dan lain-lain ruang sewaan 9. Mesin Layan Diri (<i>Vending Machine</i>) 10. Sewaan Jubah	1. Kemudahan/Peralatan (Makmal dan lain-lain) 2. Sewaan jubah (luar) 3. Bilik kuliah, ruang makmal, ruang terbuka dan lain-lain ruang sewaan	1. Kafeteria 2. Asrama (dalam yuran pelajar) 3. Sewaan Rumah Felo 4. Sewaan Jubah (pelajar) 5. Mesin Layan Diri (<i>Vending Machine</i>) 6. Dewan Canselor 7. Kompleks Sukan dan kemudahan sukan 8. Kenderaan

	Perniagaan dan Perkhidmatan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jualan Borang Tender/Sebut Harga 2. Jualan Buku/Modul/Jurnal 3. Percetakan 4. Bayaran Proses dan Perkhidmatan Jubah 5. Denda dan Saman (Kolej Kediaman, Perpustakaan, Pejabat Keselamatan, Kad Matrik dll) 6. Pelbagai Terimaan Hasil (pecah kontrak, pelbagai terimaan dan pelarasan hasil dan pulangan balik bayaran tahun-tahun lalu) 7. Jurugambar konvo/majlis 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jualan Buku/Modul/Jurnal 2. Percetakan 3. Denda dan Saman (Kolej Kediaman, Perpustakaan, Pejabat Keselamatan, Kad Matrik dll) 4. Jurugambar konvo/majlis 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jualan Borang Tender/Sebut Harga 2. Pelbagai Terimaan Hasil (pecah kontrak dan pulangan balik bayaran tahun-tahun lalu) 3. Hasil terima dari pelajar seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> a) Bayaran Proses dan Perkhidmatan Jubah b) Bayaran Album Ijazah Pelajar dan Buku Cenderamata; c) Bayaran Sijil dan Transkrip; <p>(Hasil pendapatan merupakan hasil caj pelajar yang dipusatkan sebagai Hasil Universiti)</p>
Aktiviti Pengurusan Kewangan Dan Pelaburan	Pelaburan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Keuntungan/Faedah Akaun Semasa 2. Keuntungan/Faedah Pinjaman (Kenderaan & Komputer) 3. Pelupusan Aset 4. Pelaburan jangka panjang/emas 5. Dividen/yuran pengurusan dari anak syarikat 		<ol style="list-style-type: none"> 1. Keuntungan/Faedah Akaun Semasa 2. Keuntungan/ Faedah Pinjaman (Kenderaan & Komputer) 3. Pelupusan Aset 4. Pelaburan jangka panjang/emas 5. Dividen/yuran pengurusan dari anak syarikat